



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 31 JANUARI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	AGRICO QATAR INGIN MELABUR DI MALAYSIA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE AGRICO QATAR SEDIA MELABUR DALAM SEKTOR PERTANIAN NEGARA, EDISI VIRAL -ONLINE AGRICO SEDIA LABUR DALAM PERTANIAN, BISNES, SH -29 CHAN: ELIGIBLE PIG FARMERS WILL RECEIVE CASH AID, NATION, CHINA PRESS -A9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
5.	BUKIT MALUT: LKIM RUGI RM700,000 SETAHUN, DALAM NEGERI, UM -8	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6.	500 PELAJAR SERTAI KEJOHANAN CATUR ANJURAN AGROBANK, NIAGA, KOSMO -38	AGROBANK
7. 8. 9. 10. 11.	ISU KETERJAMINAN MAKANAN ANTARA FOKUS MALAYSIA-SINGAPURA, NASIONAL, BH -2 TEROKA BIDANG KETERJAMINAN MAKANAN, NASIONAL, SH -4 SEKURITI MAKANAN TUMPUAN MALAYSIA-SINGAPURA, DALAM NEGERI, UM -3 HOT CONCERN OVER COLD SNAP, NATION, THE STAR -4 PM: EXPLORE FOOD SECURITY POTENTIAL, NATION/NEWS, NST -5	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## Agrico Qatar ingin melabur di Malaysia



Mohamad Sabu (kiri) bersama Ahmad Hussien Al-Khalaf dalam pertemuan di MAFS, Putrajaya, hari ini. (Gambar: Facebook)

KUALA LUMPUR – Agrico for Agricultural Development Company (Agrico Qatar) melalui anak syarikatnya Agrico Malaysia Sdn. Bhd. bersedia untuk melabur dan menjalankan kerjasama dalam sektor pertanian dengan jabatan serta agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS).

Kementerian itu dalam kenyataan media hari ini berkata, kerjasama itu terutamanya adalah dalam projek akuakultur, pertanian bersepadu, bekalan baja dan makanan ternakan.

“MAFS turut bersedia untuk memudah cara kerjasama antara jabatan atau agensi di bawah MAFS dengan Agrico Qatar bagi menjamin sumber makanan yang mampan dan berterusan,” katanya.

Hari ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi dan Pengasas Agrico Qatar, Ahmad Hussien Al-Khalaf di pejabatnya di Putrajaya.

Pertemuan itu turut dihadiri oleh wakil Pejabat Timbalan Perdana Menteri dan wakil Kedutaan Besar Qatar di Malaysia serta pegawai-pegawai kanan MAFS.

Agrico Qatar merupakan syarikat yang mempunyai kepakaran dalam pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan organik serta akuakultur dan pengurusan sisa organik.

Semasa lawatan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke Qatar pada 26 hingga 29 Mac tahun lalu, Agrico Qatar telah menyatakan hasratnya untuk melabur dalam sektor pertanian bagi pembangunan buah-buahan berkualiti premium dan fasiliti pengeluaran sayur-sayuran di Malaysia.

Sehubungan itu, pertemuan antara Mohamad dan Ahmad kali ini adalah susulan terhadap cadangan kerjasama antara Agrico Qatar dalam sektor pertanian di Malaysia tersebut. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2023	EDISI VIRAL	ONLINE	

## Agrico Qatar sedia melabur dalam sektor pertanian negara

Agrico Qatar, yang mempunyai kepakaran dalam pengeluaran sayur-sayuran, buah-buahan organik, akuakultur dan pengurusan sisa organik, bersedia untuk melabur dan menjalin kerjasama dalam sektor pertanian negara.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dalam kenyataan hari ini berkata kerjasama itu akan dilakukan menerusi anak syarikatnya iaitu Agrico Malaysia Sdn Bhd terutamanya bagi projek akuakultur, pertanian bersepadu, bekalan baja dan makanan ternakan.

MAFS turut bersedia memudahcara kerjasama antara jabatan atau agensi di bawah kementerian dengan Agrico Qatar bagi menjamin sumber makanan yang mampan dan berterusan, menurut kenyataan itu.

Menurutnya ketika lawatan rasmi bekas Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ke Qatar pada Mac tahun lepas, Agrico Qatar menyampaikan surat komitmen untuk pelaburan berjumlah US\$360 juta (RM1.5 bilion) dari syarikat tersebut dan menyatakan hasrat untuk melabur bagi pembangunan buah-buahan berkualiti premium dan fasiliti pengeluaran sayur-sayuran di Malaysia.

Hari ini Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi dan Pengasas Agrico Qatar Ahmed Hussain Al-Khalaf di Putrajaya, sebagai susulan terhadap cadangan kerjasama antara Agrico Qatar dalam sektor pertanian di Malaysia, kata MAFS.

— BERNAMA

# Agrico sedia labur dalam pertanian

Mahu menjalinkan kerjasama dengan jabatan dan agensi di bawah MAFS

Oleh NURUL  
HUDA HUSAIN  
PUTRAJAYA

Agrico for Agricultural Development Company (Agrico Qatar) melalui anak syarikatnya Agrico Malaysia Sdn Bhd menyatakan kesediaan untuk melabur dan menjalinkan kerjasama dalam sektor pertanian di negara ini. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dalam satu kenyataan berkata, kerjasama itu bakal melibatkan jabatan dan

agensi di bawah kementerianannya.

Kesediaan itu dinyatakan kedua-dua pihak selepas Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu, menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi dan Pengasas Agrico Qatar, Ahmad Hussien Al-Khalaf di sini pada Isnin.

"Semasa lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ke Qatar pada Mac tahun lalu, Agrico Qatar telah menyatakan hasrat untuk melabur dalam sektor pertanian bagi pembangunan buah-buahan berkualiti premium dan fasiliti pengeluaran sayur-sayuran di Malaysia.

"Sehubungan itu, pertemuan antara Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Pengerusi Agrico Qatar kali ini adalah merupakan susulan terhadap cadangan kerjasama antara Agrico Qatar dalam sektor pertanian di Malaysia.

"Agrico Qatar bersedia untuk



Mohamad berbincang sesuatu dengan Ahmad Hussien (kiri) semasa menerima kunjungan hormat di pejabatnya di Putrajaya pada Isnin.

melabur dan menjalinkan kerjasama melalui projek akuakultur, pertanian bersepadu, bekalan baja dan makanan ternakan," katanya pada Isnin.

Semasa pertemuan itu, MAFS turut bersedia untuk memudahkan kerjasama antara jabatan atau agensi di bawahnya dengan Agrico Qatar bagi men-

jamin sumber makanan yang mampan dan berterusan.

Pertemuan turut dihadiri oleh wakil Pejabat Timbalan Perdana Menteri dan wakil Kedutaan Qatar di Malaysia serta pegawai-pegawai kanan MAFS.

Agrico Qatar merupakan syarikat yang mempunyai kepakaran dalam pengeluaran sayur-

sayuran dan buah-buahan organik serta akuakultur dan pengurusan sisa organik.

Untuk rekod, ketika lawatan Ismail Sabri ke Qatar Mac lalu, beliau telah melawat Indera Mahkota Farm, sebuah petempatan pertanian organik, cendawan dan udang milik Agrico di Al Khor, kira-kira 50 kilometer di utara Doha.

Headline	Chan: Eligible pig farmers will receive cash aid		
MediaTitle	China Press		
Date	31 Jan 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A9	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	231 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,557
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,671



# 陳泓縑：審核受豬瘟影響者 合格豬農可獲援助



(吉隆坡30日讯) 农业及食品安全部副部长陈泓縑说, 该部正审核受非洲猪瘟影响的猪农名单, 并会在时机成熟时宣布将提供的包括金援等详情。

“(部门) 正审核给合格猪农援助(的名单), 等时机成熟才一次过宣布。”

对于国内数州爆发非洲猪瘟时, 陈泓縑回应《中国报》时说, 农业部目前主要是加强生物安全控制及消灭的方式, 来遏止非洲猪瘟蔓延。

“再来就是猪农需要确保卫生和避免以厨余喂食猪只, 运载猪只的交通工具需要一直消毒, 以及不能让猪只跨区运输。”

他指出, 农民必须增加生物安全措施, 不拼车送猪只到屠宰场, 和限制猪和人的活动, 以减少非洲猪瘟的病例。

## 疫苗未獲批

此外, 陈泓縑说, 在应对非洲猪瘟的疫苗方面, 虽然说越南已有临床实验, 但效果不理想, 而且也没有得到世界动物卫生组织(WOAH)和美国农业部(USDA)批准。

因此, 他说, 农业部及兽医局也会在得到世界动物卫生组织批准适用的疫苗后, 让本地猪只也施打疫苗, 以进一步防止非



■ 陈泓縑

## 老港區發現腐爛野豬屍 證實染非洲豬瘟

【本報訊】香港一區野豬屍, 證實染非洲豬瘟(AFR) 呈阳性反应。香港政府表示, 非洲豬瘟(AFR) 是一种急性、致命性传染病, 对人类无害, 但对猪只致命。香港政府表示, 非洲豬瘟(AFR) 是一种急性、致命性传染病, 对人类无害, 但对猪只致命。香港政府表示, 非洲豬瘟(AFR) 是一种急性、致命性传染病, 对人类无害, 但对猪只致命。

香港政府表示, 非洲豬瘟(AFR) 是一种急性、致命性传染病, 对人类无害, 但对猪只致命。香港政府表示, 非洲豬瘟(AFR) 是一种急性、致命性传染病, 对人类无害, 但对猪只致命。香港政府表示, 非洲豬瘟(AFR) 是一种急性、致命性传染病, 对人类无害, 但对猪只致命。



■ 陳泓縑

## 專家控制

香港政府表示, 非洲豬瘟(AFR) 是一种急性、致命性传染病, 对人类无害, 但对猪只致命。香港政府表示, 非洲豬瘟(AFR) 是一种急性、致命性传染病, 对人类无害, 但对猪只致命。香港政府表示, 非洲豬瘟(AFR) 是一种急性、致命性传染病, 对人类无害, 但对猪只致命。

非洲猪瘟继续恶化。

尽管如此, 马来西亚禽畜业联合总会坦言, 虽然副部长已在媒体平台上宣布会有援助金, 但他们并未正式向农业部了解这项申请。

31/1/2023

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

8

# Bukit Malut: LKIM rugi RM700,000 setahun

Oleh FAHMI FAIZ  
utusannews@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) perlu menanggung premium tanah mencecah RM700,000 setahun sejak 2016 ke atas tanah miliknya di Bukit Malut, Langkawi yang sebahagiannya kini didiami oleh penceroboh dalam kalangan warga Melayu Burma.

Jumlah itu adalah untuk tanah seluas lebih 45 hektar yang berpotensi untuk tujuan pembangunan tetapi tidak dibangunkan kerana masalah pencerobohan tersebut.

Sumber agensi itu yang ditemui semalam mendedahkan pencerobohan itu melibatkan kawasan seluas kira-kira 12 hektar.

Menurutnya, memburukkan lagi keadaan adalah apabila LKIM tidak bertindak menyelesaikan masalah pencerobohan itu, mengakibatkan komuniti pendatang di situ semakin berani membina bangunan seperti pusat pengajian agama, surau, kedai kopi dan rumah kedai.

"Malah, kenderaan mewah serta bekalan elektrik pun ada di kawasan penempatan haram itu. Apabila semakin banyak struktur dibina dalam kawasan pencerobohan haram, maka makin susah kerajaan mahu menyelesaikan isu itu.

"Mengapa agensi itu langsung tidak bertindak sedangkan pencerobohan itu berlaku

bukan setahun dua malah sejak 1980-an lagi," katanya.

Untuk rekod, berdasarkan rekod geran hak milik sementara LKIM di Bukit Malut, Langkawi yang diserahkan dan disemak oleh akhbar ini, tanah tersebut telah dipajak kepada agensi itu bermula tahun 1988 untuk tempoh 60 tahun yang berakhir pada 2048.

Cukai tahunan yang dibayar LKIM setiap tahun berjumlah RM664,724 sejak 2016. Sebelum itu, bayaran premium tanah itu adalah lebih rendah.

Menjelaskan lebih lanjut, sumber berkata, meskipun setakat ini, sekitar 20 peratus

daripada keseluruhan tanah LKIM telah diceroboh, namun dikhuatiri pencerobohan akan semakin merebak jika agensi tersebut tidak bertindak segera menanganinya.

"Untuk membasmi pencerobohan, LKIM haruslah segera mengusahakan tanah tersebut untuk kepentingan nelayan setempat yang merupakan pemegang taruh industri perikanan negara.

"Caranya adalah melalui usahasama dengan pihak yang berkapasiti dan mempunyai kemampuan serta semangat patriotik untuk membela nasib nelayan serta ekosistem industri,"

katanya.

Sumber mendedahkan, pada Julai tahun lalu, sudah ada beberapa cadangan yang dibentangkan kepada ahli jemaah LKIM, bertujuan membangunkan tanah tersebut secara komersial tanpa mengabaikan nilai estetikanya.

"Namun malangnya, sehingga kini langsung tiada sebarang tindakan susulan yang positif telah diambil LKIM mengikatkan tanah di Bukit Malut berterusan diceroboh dan terabai. Bahasa kasarnya, tanah itu kini berterusan menjadi tanah subsidi bagi pendatang asing," kata sumber.



**KAWASAN yang diceroboh dan penempatan haram di Bukit Malut, Langkawi dikatakan semakin luas berikutan tiada tindakan daripada pihak berkuasa untuk menyelesaikan masalah itu sepenuhnya.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2023	KOSMO	NIAGA	38

## 500 pelajar sertai kejohanan catur anjuran Agrobank

**PETALING JAYA** – Lebih daripada 500 pelajar sekolah berusia tujuh hingga 17 tahun telah menyertai Kejohanan Catur Kebangsaan Peringkat Sekolah yang berlangsung selama tiga hari bermula 27 Januari lalu.

Kejohanan tersebut dipertandingkan dalam enam kategori dengan melibatkan sub kategori perempuan dan lelaki yang mana setiap sub kategori mempunyai tiga pemenang.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, selain bertujuan untuk mencungkil bakat baharu

dalam sukan catur di negara ini, ia juga dapat mendorong pemenang utama bagi setiap kategori berkenaan melayakkan diri mewakili Malaysia ke kejohanan catur di peringkat antarabangsa.

“Pada tahun ini, Agrobank mengorak selangkah lagi ke hadapan dengan menumpukan kepada inisiatif yang menjurus kepada pembangunan melangkaui perbankan dengan tidak hanya meletakkan fokus kepada sektor pertanian semata-mata.

“Ia juga dapat menyumbang kepada pembangunan dengan menghidupkan perancangan negara dengan menyokong komu-

niti setempat.

“Fokus kami adalah untuk memperkukuhkan inisiatif pemangkin dengan memperkenalkan lebih banyak program peningkatan sosial dan rangkuman kewangan bagi menambah baik taraf sosio-ekonomi,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penutupan Agrobank National Scholastic Chess Championship 2023/Kejohanan Catur Kebangsaan Peringkat Sekolah Agrobank 2023 di Pusat Latihan Agro di Bangi.

Program tersebut dijayakan bersama Persekutuan Catur Malaysia (MCF).



**MENTERI** Belia dan Sukan, Hannah Yeoh (duduk, tengah) bersama sebahagian daripada peserta Kejohanan Catur Kebangsaan anjuran Agrobank di Bangi baru-baru ini

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	2

# Isu keterjaminan makanan antara fokus Malaysia-Singapura

**Singapura:** Datuk Seri Anwar Ibrahim melihat isu keterjaminan makanan antara bidang boleh diteroka bersama Singapura, dengan sasaran memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

Berucap pada majlis makan tengah hari rasmi dihoskan rakan sejawatnya dari Singapura, Lee Hsien Loong, Perdana Menteri yang pada lawatan rasmi semalam, berkata bidang baharu itu boleh diteroka seiring dengan isu tertunggak lain yang perlu diberi tumpuan oleh Malaysia dan Singapura.

“Bidang ini (keterjaminan makanan) yang saya fikir kami akan dapatkan sokongan Singapura, untuk menggunakan Malaysia sebagai pusat utama untuk pengeluaran bagi manfaat kedua-dua negara.

“Pentadbiran saya masih baharu, namun pandangan saya dan Kabinet saya jelas.

“Bukan sahaja kita berhasrat meneruskan hubungan (dua negara), malah kita mahukan supaya rakyat di kedua-dua negara faham bahawa kita adalah dua negara hebat, jiran yang hebat, banyak lagi yang boleh kita lakukan untuk manfaat rakyat,” katanya.

Sehubungan itu, Anwar berkata, terpulang kepada pemimpin Singapura untuk meneruskan dan melangkah maju ke hadapan, bukan sahaja dalam bidang perdagangan, pelaburan dan keselamatan siber, tapi juga

dalam menyelesaikan semua isu tertunggak.

## Terus eratkan hubungan

Selain pertemuan empat mata dengan Hsien Loong, Perdana Menteri membuat kunjungan hormat ke atas Presiden, Halimah Yacob dan memaklumkan, Halimah akan melawat Malaysia tidak lama lagi yang juga tanda awal bahawa hubungan kedua-dua negara semakin bertambah akrab.

Terdahulu, beliau dan Hsien Loong menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman yang akan memupuk kerjasama dalam bidang baharu dan meningkat maju, terutama berkaitan ekonomi digital dan hijau serta keselamatan siber.

Sementara itu, Hsien Loong dalam ucapannya, memaklumkan beliau dan Anwar telah mengadakan perbincangan yang banyak membuahkan hasil, termasuk bagaimana kedua-dua negara boleh mencapai kemajuan dalam pelbagai isu dua hala yang tertunggak.

“Sebagai rakan dan jiran yang baik, hala tuju Singapura dan Malaysia saling berkaitan. Apabila kita bekerjasama secara konstruktif, kita akan mendapatkan hasil menang-menang dengan manfaat ketara bagi rakyat dan urusan kita.

“Saya yakin, dengan sokongan Perdana Menteri Malaysia, hubungan Singapura-Malaysia boleh mencapai tahap yang tinggi,” katanya. **BERNAMA**



# Teroka bidang keterjaminan makanan

Perdana Menteri melihat bidang itu dapat beri manfaat kepada rakyat Malaysia dan Singapura

SINGAPURA

**P**erdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim melihat bidang keterjaminan makanan sebagai salah satu bidang yang boleh di-teroka bersama dengan Singapura, dengan sasaran memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

Anwar yang dalam lawatan rasmi di sini pada Isnin berkata, bidang baharu itu boleh diteroka, seiring dengan isu-isu tanggungjawab lain yang perlu diberi tumpuan oleh Malaysia dan Singapura.

"Bidang ini (keterjaminan makanan) yang saya fikir kami akan dapatkan sokongan Singapura, untuk menggunakan Malaysia sebagai pusat utama untuk pengeluaran, bagi manfaat kedua-dua negara," katanya semasa berucap di majlis makan tengah hari rasmi yang dihoskan

oleh rakan sejawatnya dari Singapura, Lee Hsien Loong.

"Pentadbiran saya masih baru, namun pandangan saya dan kabinet saya jelas.. bahawa bukan sahaja kita berhasrat meruskan hubungan (dua negara), malah kita mahukan supaya rakyat di kedua-dua negara faham kita adalah dua negara hebat, jiran yang hebat, banyak lagi boleh kita lakukan untuk manfaat rakyat," ujarnya.

Sehubungan itu, katanya, terpujilah kepada pemimpin-pemimpin Singapura untuk meneruskan dan melangkah maju ke hadapan, bukan sahaja dalam bidang perdagangan, pelaburan, dan keselamatan siber, tapi juga dalam menyelesaikan semua isu-isu tertunggak.

Terdahulu, kedua-dua pemimpin menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman yang akan memupuk kerjasama dalam bidang baharu dan meningkat maju, terutama berkaitan ekonomi digital dan hijau, serta keselamatan siber.

Sementara itu, Hsien Loong dalam ucapannya berkata, Anwar dan beliau telah mengadakan perbincangan yang banyak membuahakan hasil awal hari ini, termasuk mengenai bagaimana kedua-dua negara boleh mencapai kemajuan dalam pelbagai isu dua hala yang ter-



FOTO: BERNAMA

Anwar bersama Hsien Loong (dua dari kanan) selepas menerima spesis hibrid angerrik baharu dinamakan sempena nama beliau pada Isnin. Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (kiri) dan isteri Perdana Menteri Singapura, Ho Ching-tunggak.

"Sebagai rakan dan jiran yang baik, hala tuju Singapura dan Malaysia adalah saling berkaitan. Apabila kita bekerjasama secara konstruktif, kita akan mendapatkan hasil menang-menang dengan manfaat ketara bagi rakyat dan urusan kita," katanya.

Sebelum itu, Anwar mengadakan pertemuan empat mata dengan Hsien Loong, sebelum membuat kunjungan hormat ke atas Presiden Halimah Yacob. "Presiden Halimah akan melawat Malaysia tidak lama lagi. Ia adalah tanda awal bahawa hubungan kedua-dua negara semakin bertambah akrab," kata beliau. - Bernama

31/1/2023

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

3

# Sekuriti makanan tumpuan Malaysia-Singapura

**KUALA LUMPUR:** Malaysia melihat bidang keterjaminan makanan sebagai potensi yang boleh diteroka bersama Singapura untuk dimanfaatkan oleh rakyat di kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau yakin akan mendapat sokongan Singapura untuk menggunkan Malaysia sebagai pusat utama untuk pengeluaran.

Katanya, beliau memandang ke hadapan untuk bekerjasama dengan negara jiran itu menyelesaikan isu sekuriti makanan serta hal-hal yang menjadi tumpuan kedua-dua negara.

"Pada pandangan saya, sektor keterjaminan makanan ini Malaysia akan disokong oleh Singapura untuk menjadi pusat utama pengeluaran bagi manfaat kedua-dua negara.

"Pentadbiran saya masih baru namun saya dan bawahan saya mempunyai visi jelas bahawa bukan sahaja kita berhasrat meneruskan hubungan dua negara ini malah kita mahu rakyat kedua-dua negara faham bahawa kita adalah dua negara hebat, jiran hebat dan mampu melaksana banyak lagi untuk manfaat rakyat," katanya berucap dalam majlis makan tengah hari bersama



**ANWAR Ibrahim dilirangi Lee Hsien Loong memeriksa barisan kawalan kehormat setibanya di Istana Presiden Singapura, semalam. - AFP**

rakan sejawatnya Lee Hsien Loong, semalam.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, terpulang kepada pemimpin Singapura untuk meneruskan dan melangkah maju bukan sahaja dalam perdagangan, pelaburan dan keselamatan siber tetapi juga menyelesaikan isu terunggak.

Anwar yang dalam lawatan rasmi ke republik itu semalam

nya dengan Anwar mengenai beberapa isu memberikan hasil positif kerana kedua-dua negara memberi tumpuan untuk maju dalam beberapa perkara.

"Sebagai jiran yang baik, hala tuju Singapura dan Malaysia saling berkaitan. Apabila kita bekerjasama secara konstruktif, kita akan dapat hasil

kebaikan berlipat ganda kepada rakyat dan negara," katanya.

# Hot concern over cold snap

## Authorities monitoring situation to ensure food supply not affected

By ZAKIAH KOVA  
and BENJAMIN LEE  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The recent dip in temperatures experienced in some states has affected the yield and quality of agricultural produce to an extent, but authorities say they are watching the situation closely to ensure the food chain is preserved - while keeping profiteering at bay.

Last December, the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) predicted that the nation's "winter" would last until February, with temperatures dipping to 22°C on some days.

In mid-January, Sik in Kedah experienced temperatures of 18°C to 19°C for a few days.

Checks with MetMalaysia showed that the current cloudy climate was attributed to the third monsoon surge of the north-east monsoon which began on Jan 19.

"It has not reached extreme levels yet.

"The current cold weather is expected to be temporary, as such weather conditions are common at the beginning of the year during the north-east monsoon.

"The fourth monsoon surge began on Jan 27 and will last until Feb 4.

"Furthermore, the current cold climate is still within predictions and has shown no signs of turning into an extreme weather event, so it is not expected to severely affect the country's agricultural sector in the long run," said a MetMalaysia spokesman when contacted yesterday.

Natural Resources, Environment, and Climate Change Minister Nik Nazmi Nik Ahmad said the ministry constantly monitors changes in the weather.

"We are looking at ways to have a more dynamic system in place to warn stakeholders," said Nik Nazmi when asked if farmers are warned of sudden changes.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said although food production comes under the jurisdiction of the Agriculture and Food Security Ministry, his ministry has been proactive.

"As our main focus would be to ensure consumers are not burdened while food producers are still able to profit without profiteering, we have put in place steps to ensure that any consequence to the price of food will be mitigated.

"We will be monitoring the food chain closely in the next three months, especially to curb profiteering," said Salahuddin, adding that the produce grown now will



**Inclement weather:** A resident passing a row of fishing boats moored at the beach in Pantai Baru, Kelantan, as most local fishermen stay away from the sea during the monsoon season. — Bernama

only be harvested in the next few months.

Agriculture and Food Security Ministry secretary-general Datuk Lokman Hakim Ali said weather patterns affect yield and quality, not only for padi, but also other crops.

For example, in Perlis, the prized Harumanis mango would be affected as it is usually warmer between

January and March.

"We have to adapt the agriculture industry to be resilient against weather changes by providing better irrigation infrastructure as well as looking at fertiliser formulation and schedules," said Lokman.

He added that the fertiliser blend has to be tailored to suit the changes, should temperatures drop with

heavier rainfall.

As for the poultry industry, Lokman urged farms to go for fully enclosed systems, such as barns with climate control.

"It is not a knee-jerk solution as the Agriculture and Food Security Ministry has ongoing research with various agencies and countries for more weather-resilient seeds and crops," he said.

Nevertheless, Universiti Putra Malaysia's Agriculture Faculty dean Prof Dr Abdul Shukor Juraimi said commonly grown tropical crops are usually unaffected as long as temperatures do not drop below 20°C for extended periods.

"The real danger of cold weather is the high humidity and constant dark skies as these allow fungus and mould to grow," he said.

Statistics Department chief statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said adverse weather conditions, particularly in major growing areas, would affect the supply of vegetables and seafood.

"The worsening flood situation in certain areas affected the output of vegetable products, while the turbulent seas influenced the productivity process in the sea.

"The seasonally lower output due to the monsoon season may lift the prices higher at the consumer level," he added.

31/1/2023

NST

NATION/NEWS

5

3 MOUs SIGNED

# PM: EXPLORE FOOD SECURITY POTENTIAL

S'pore urged to invest in food production in Malaysia to help reduce latter's food import bill of RM70 billion



ZURAIMI  
ABDULLAH

SINGAPORE

**P**RIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said Singapore has agreed to enhance discussions and cooperation on issues related to Pedra Branca, water and airspace, as well as congestion at the Causeway.

Anwar, who was on an official one-day visit here, said he would also ask Singapore to use Malaysia as a heartland to produce food for the benefit of both countries.

Anwar said while Malaysia respected a 2008 International Court of Justice (ICJ) ruling that Singapore had sovereignty over Pedra Branca, it disagreed with a former prime minister's move not to appeal the decision.

In a press conference with the Malaysian media, he said Singapore Prime Minister Lee Hsien Loong agreed to look into the rea-

son given by the task force on the environmental damage and border issues before making a final decision, but this won't have any impact on the ICJ decision.

On food security, Anwar said Singapore could invest in food production in Malaysia and this could help reduce the latter's food import bill which amounted to between RM65 billion and RM70 billion a year.

Meanwhile, Anwar — who called his Singaporean counterpart a "dear friend" — said no issues, including food security, should be left unresolved.

In a toast speech at an official lunch hosted by Lee at The Istana to honour his visit yesterday, Anwar said both leaders had "very substantive discussions", adding that both countries must move forward for the benefit of their people.

"These are not normal diplomatic clichés, but more contentious ongoing issues. "No issue should be left unsolved."

"We should try and do our best to enhance our relations and work out not just areas covered

by the three agreements, but also emerging technologies and food security.

"These are areas I think Malaysia would solicit the support of Singapore to use Malaysia as a heartland to produce for the benefit of both countries."

He added that Malaysia and Singapore could work together in multiple domains for mutual benefit and to learn from each other.

This includes housing, where he acknowledged some recent controversies, but added that Malaysia did not consider them an issue.

Malaysian officials recently received flak for consulting Singapore's Housing Development Board on housing matters.

Anwar reiterated Putrajaya's commitment to good relations with Singapore.

"You can rest assured that not only do we want to continue relations, but we want both Singaporeans and Malaysians to understand and appreciate that these are two great countries and great neighbours that could do so much more for the benefit of our people."

Earlier yesterday morning, Anwar received an official welcome at The Istana, where he had an orchid named after him and his wife Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

He then called on President Halimah Jacob before his meeting with Lee.

While meeting with the Malaysian diaspora later, Anwar said both countries should not allow outstanding issues to drag and create unnecessary problems.

"We can resolve these challenging issues together."



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim being welcomed by his Singaporean counterpart, Lee Hsien Loong, at The Istana in Singapore, yesterday. PIC COURTESY OF THE PRIME MINISTER'S OFFICE

work together for the benefit of both countries."

In his toast speech, Lee said both leaders had a fruitful discussion, including on how to make progress on outstanding bilateral issues.

Anwar and Lee had earlier witnessed the signing of three Memoranda of Understanding to promote cooperation in new and emerging areas, specifically on digital and green economies, and cyber security.

Anwar said both sides must try to work out not just areas covered